

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pengajian tafsir al-Quran telah bermula sejak zaman Rasulullah s.a.w di mana baginda sendiri adalah pentafsir ayat-ayat al-Quran yang diturunkan bagi tujuan penerangan dan pemahaman isi kandungan al-Quran di kalangan para sahabat dan umat Islam pada ketika itu. Baginda sendiri telah menggariskan metode-metode tafsir al-Quran yang betul dengan menggunakan sumber-sumber ma'thur agar generasi seterusnya menjadikan ia sebagai disiplin ilmu dan menghindari berlakunya penyelewengan terhadap pentafsiran ayat-ayat al-Quran dari makna sebenar.

Pentafsiran al-Quran telah berkembang pada zaman sahabat dan tabi'in dan terus berkembang ke era penulisan pada akhir zaman pemerintahan Bani Umayyah dan permulaan zaman pemerintahan Bani Abbasiyyah.¹ Antara karya-karya utama mufasirin terdahulu yang cukup dikenali dan tersohor dalam dunia Islam adalah kitab *Jāmi' al-Bayān 'an Ta'wīl Ayi al-Quran* oleh *Abū Ja'far Muḥammad b. Jarīr al-Ṭabari* (m. 310H), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīm* oleh *Ibn Abī Hātim al-Rāzi* (m. 327H) dan banyak lagi, menjadi rujukan penting para ilmuwan Islam terkemudian. Kepentingan kitab-kitab tersebut terserlah apabila kitab-kitab tersebut turut menjadi sumber rujukan ulama'-ulama' di Nusantara yang lahir selepas kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu seawal abad ke-7 M dan berkembang ke Tanah Melayu melalui peranan mubaligh-

¹ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī (1976), *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*, Kaherah: Dār al-Kutub al-Hadīthah, h. 140

mubaligh Islam yang datang berdagang dengan satu matlamat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat setempat.²

Kemunculan ulama'-ulama' Islam di Alam Melayu membuktikan keberkesanan terhadap penyampaian ilmu oleh para mubaligh Islam yang pada ketika itu adalah berbentuk lisan sahaja. Pembudayaan ilmu yang diterapkan ke dalam jiwa mereka menjadi pemangkin semangat mereka menimba ilmu ke Timur Tengah bagi mendalami pelbagai bidang keilmuan seperti *fiqh*, *tauhid*, *tasawwuf*, hadis dan tafsir yang seterusnya disampaikan dan disebarakan melalui hasil-hasil karya bahasa Melayu-Jawi yang amat bernilai bagi mengurangkan tahap kejahilan di kalangan masyarakat setempat.

Kitab tafsir pertama dalam bahasa Melayu telah dihasilkan oleh Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri yang telah menulis kitab "*Tarjuman al-Mustafid*" disusuli dengan kemunculan kitab-kitab tafsir yang lain selepas beberapa abad seperti kitab Nurul Ehsan yang dikarang oleh Haji Muhammad Sa'id bin Omar, *Tafsir al-Nur*³, *Tafsir 'Abr al-Athir*⁴ dan banyak lagi.

Justeru, satu usaha yang jitu perlu dilakukan bagi memelihara khazanah-khazanah ilmu ulama'-ulama' terdahulu dan diteliti kandungannya melalui kajian-kajian komprehensif terhadap hasil-hasil karya tersebut dan mengetengahkan keistimewaan isi

² Mahyuddin Yahya (2001), *Islam di Alam Melayu*, cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 6

³ Kitab ini dikarang oleh Prof. T.M Hasbi ash-Shiddieqiy yang lahir pada 10 Mac 1904 dan meninggal dunia pada 9 Disember 1975. Seorang ulama' Indonesia yang mahir dalam bidang fiqh dan usul fiqh, tafsir, hadis dan ilmu kalam. Lihat Muhammad Hasbi ash-Shiddieqiy (2000), *Tafsir al-Quranul Majid an-Nuur*, cet. Ke-2, Semarang: PT. Pustaka Rizki Putra, h. xvii.

⁴ Pengarang kitab ini ialah Ahmad Sonhadji b. Mohamad Milatu. Kitab ini turut dikenali dengan "Tafsir al-Quran Di Radio"

kandungannya serta diperbaiki mutu bahasanya agar ia terus dimanfaatkan generasi kini dan akan datang bukan sekadar dijadikan koleksi simpanan semata.

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Kajian terhadap penulisan-penulisan karya terdahulu sedang giat dijalankan oleh para ilmuwan yang bermatlamat mengetengahkan keistimewaan dan nilai keilmuan yang terkandung di dalamnya. Usaha-usaha sedemikian amat perlu dilakukan agar setiap bidang keilmuan yang telah diketengahkan oleh para ulama' terdahulu khususnya ulama'-ulama' di alam Melayu diperkembangkan bagi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

Pelbagai bentuk kajian telah dilaksanakan bagi tujuan tersebut sama ada kajian orang perseorangan mahupun di peringkat institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia. Antara kajian yang sedang dijalankan seperti kajian terhadap tokoh-tokoh ulama' alam Melayu dari aspek sumbangannya terhadap perkembangan Islam dan ketokohnya, kajian terhadap penulisan manuskrip-manuskrip Melayu-Jawi yang merangkumi pelbagai bidang seperti hadis, tafsir, fekah, tauhid dan sebagainya serta kajian yang berkaitan dengan metodologi penulisan sesebuah kitab oleh tokoh sama ada yang masih hidup mahupun yang telah kembali ke rahmatullah.

Bidang tafsir al-Quran misalnya merupakan salah satu cabang ilmu yang berkembang pesat di Nusantara dikesan pada kurun ke-16 di mana sebelum itu kegiatan tersebut bercorak lisan dan tidak bertulis. Antara karya awal tafsir di rantau ini ialah *Tarjuman al-Mustafid* karangan Abdul Rauf al-Singkili yang berasal daripada Fansur, Sinkil di Aceh. Manakala karya tafsir berbahasa Arab pertama yang pernah dihasilkan

oleh ulama' alam Melayu pula ialah *Marah Labid* karangan Muhammad Nawawi al-Jawi (1813-1897) dan dianggap sebagai tafsir al-Quran lengkap yang kedua pernah dihasilkan oleh ulama' Melayu. Selepas penghasilan karya tersebut, kegiatan tafsir tidak ditemui sehinggalah awal kurun ke-20 apabila muncul beberapa lagi tokoh ulama' seperti Tok Kenali, Tuan Haji Muhamad Said bin Omar, Maulana Abdullah Noh, Mustafa Abdul Rahman, Muhammad Idris al-Marbawi dan lain-lain lagi.

Kesemua tokoh-tokoh tersebut memiliki karya tafsir masing-masing yang amat bernilai dan menggunakan kaedah yang berbeza-beza dalam mentafsirkan al-Quran. Namun begitu hanya sebahagiannya sahaja dijadikan bahan rujukan segelintir ulama masa kini dalam lapangan pengajaran masing-masing memandangkan dikatakan bahawa terdapat kitab-kitab tafsir tersebut kurang difahami oleh generasi sekarang.

Kitab-kitab tafsir tersebut ada di antaranya telah berusia bertahun-tahun lamanya dan ada yang baru diketengahkan oleh ulama' tafsir masa kini. Sebahagian daripadanya juga dijadikan panduan pembelajaran dan terdapat juga tidak digunakan terutama selepas kematian penulisnya seperti kitab *Tafsir Quran Marbawi* karangan Sheikh Muhaamad Idris al-Marbawi.

Bagi memastikan kitab tersebut terus dikenali dan tidak ditelan zaman, penulis merasa terpanggil untuk melakukan kajian terhadap sebuah kitab tafsir karangan Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi untuk melihat metode yang digunakan oleh beliau ketika mentafsirkan ayat-ayat al-Quran dan keistimewaan kitab tersebut.

Justeru, kajian ini sangat relevan diteroka bagi mengenal pasti kaedah atau metode yang digunakan oleh tokoh tersebut dan seterusnya diketengahkan sebagai salah

satu bentuk penghargaan terhadap usaha murni tokoh mengembangkan ilmu yang terkandung di dalam al-Quran.

1.3 PERNYATAAN MASALAH KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan mengetengahkan metode-metode yang diguna pakai oleh tokoh yang dikaji serta aspek-aspek yang berkaitan dengannya. Oleh yang demikian, pengkaji merumuskan persoalan sebenar yang akan dikaji berbentuk persoalan-persoalan berikut:

- a. Siapakah Syeikh Mohammad Idris al-Marbawi dalam bidang tafsir?
- b. Apakah metodologi pentafsiran yang diguna pakai oleh tokoh dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang terkandung dalam surah al-Baqarah dan surah Yasin?
- c. Bagaimanakah beliau mempersembahkan pentafsirannya dalam kitab Tafsir Quran Marbawi?
- d. Apakah sumber rujukan yang digunakan semasa beliau mentafsirkan ayat-ayat tersebut?
- e. Adakah kitab tafsir tersebut sesuai digunakan pada hari ini?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Melalui kajian ini, beberapa objektif digariskan bagi memastikan kajian tidak tersasar dari tujuan asal kajian ini dilakukan. Berikut adalah objektif khusus yang telah dirangka bagi tujuan kajian ini:

- a. Memperkenalkan ketokohan Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dalam bidang tafsir.
- b. Mengetengahkan salah sebuah karya tafsir beliau iaitu Tafsir Quran Marbawi.
- c. Mengenal pasti metode-metode yang digunakan sepanjang pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran.
- d. Mengkaji sumber-sumber rujukan beliau sepanjang pentafsiran dilakukan.
- e. Mengenal pasti kelemahan dan keistimewaan kitab tafsir tersebut.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting dilaksanakan bagi mengetengahkan Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi sebagai seorang ilmuan yang bukan sahaja terkenal dalam bidang hadis bahkan dalam bidang tafsir. Kajian ini seterusnya memfokuskan kajian terhadap metode-metode pentafsiran yang digunakan oleh beliau agar di akhir kajian nanti karya beliau dapat menarik minat generasi muda untuk membacanya dan menggunakannya sebagai panduan dalam pengajian tafsir kelak. Selain itu, analisis terhadap kelemahan dan keistimewaan kitab tersebut akan diketengahkan agar ia dapat digunapakai sebagai bahan pengajaran di peringkat masyarakat, dipelihara dan dimanfaatkan sepenuhnya di masa akan datang.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini secara keseluruhannya mengandungi dua isu utama iaitu latar belakang tokoh dan karya *Tafsir Quran Marbawi*. Isu pertama adalah kajian latar belakang tokoh merangkumi keturunan, pendidikan dan hasil-hasil karya beliau. Manakala isu kedua pula adalah kajian terhadap karya tokoh iaitu kitab *Tafsir Quran*

Marbawi yang merangkumi aspek metodologi pentafsiran beliau berdasarkan metodologi pentafsiran al-Quran yang betul dan dibenarkan serta aspek-aspek lain. Skop kajian ini adalah metodologi pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat al-Quran di dalam surah al-Baqarah dan surah Yasin sahaja memandangkan surah-surah lain tidak ditemui.

1.7 DEFINISI TAJUK

Kajian ini mengupas mengenai kepelbagaian metode yang digunakan oleh seorang tokoh tafsir Malaysia iaitu Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi. Kajian ini terangkum dalam suatu tajuk iaitu Metodologi Pentafsiran Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dalam Kitab *Tafsir Quran Marbawi*. Berikut adalah pengenalan maksud umum bagi istilah-istilah yang digunakan dalam tajuk ini iaitu:

Metodologi : ‘Metodologi’ berasal daripada kata dasar metode yang membawa maksud cara melakukan sesuatu atau sistem⁵. Di dalam Bahasa Inggeris metode bermaksud kaedah⁶. Dengan itu, metodologi bermaksud proses penyelidikan yang merupakan andaian nilai yang menjadi dasar atau ulasan penyelidik yang digunakan untuk mengumpul data yang tepat bagi membuat kesimpulan.

Pentafsiran : ‘Pentafsiran’ merupakan kata nama dasar dari perkataan ‘Tafsir’. Dari sudut bahasa, ‘Tafsir’ mengikut *wazan* “*taf’il*” yang berasal dari kata akar ‘*al-fasr*’ bererti menjelaskan, menyingkap dan menampakkan atau menerangkan makna yang

⁵ Teuku Iskandar *et al.* (2000), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 887

⁶ A.H. Johns, Dr. D.J. Prentice, (1999), *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, Selangor, Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, cetakan kedua, h. 957

abstrak⁷. Manakala dari segi istilah pula, Zarkasyi mentakrifkan sebagai ilmu yang memberi kefahaman tentang al-Quran yang diturunkan kepada nabi Muhammad S.A.W untuk memberi penerangan tentang maknanya dan mengeluarkan hukum-hukum dan hikmatnya⁸.

Menurut Kamus Dewan perkataan ‘Pentafsiran’ bermaksud perihal (perbuatan) mentafsirkan (sesuatu)⁹. Oleh kerana itu, pentafsiran dalam konteks ini merupakan pentafsiran terhadap sesuatu ilmu itu dibuat, di hurai serta diperjelaskan.

Kitab Tafsir Quran Marbawi: Sebuah karya tafsir yang dikarang oleh Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi khusus tafsiran surah al-Baqarah. Karya ini mengandungi dua buah kitab iaitu *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm* dan *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*.

1.8 KAJIAN LITERATUR

Penulis mendapati bahawa kajian terhadap ketokohan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini sama ada berbentuk latihan ilmiah mahupun disertasi melalui sorotan terhadap kajian-kajian tersebut.

Penulisan pertama yang ditemui berkaitan ketokohan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi dan sumbangannya dilakukan oleh Mahani Binti Mokhtar pelajar sesi 1989/90 dari Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya dalam

⁷ Manna’ Khalil al-Qattan (1998), *Mabahith fi Ulum al-Quran*, Muassasah al-Risalah, c. 2, h. 324

⁸ Dr. Mahmud Salim ‘Abidat (1990), *Dirasat fi Ulum al-Quran*, Dar ‘Ammar, li al-Nasyr, h. 238

⁹ Teuku Iskandar *et al.* (2000), *op.cit.*, h. 1340

latihan ilmiahnya bertajuk “**Syeikh Muhammad Idris bin Abdul Rauf al-Marbawi : Sejarah dan Sumbangannya di Bidang Penulisan**”. Dalam kajian ini penulis tersebut telah menghuraikan riwayat hidup al-Marbawi serta sumbangannya dalam bidang penulisan dengan mengupas karya-karya yang telah dihasilkan beliau. Antara karya-karya al-Marbawi yang diberi penekanan oleh penulis tersebut ialah *Kamus al-Marbawi* dan *Seruan al-Azhar* serta peranannya yang dikhususkan perbincangannya dalam bab ketiga. Namun begitu kajian terhadap karya-karya lain yang dihasilkan al-Marbawi dikupas secara ringkas dan tidak menyeluruh antaranya karya beliau dalam bidang tafsir iaitu *Tafsir Quran Marbawi* yang hanya diulas kurang daripada lima halaman.

Penulisan berkaitan karya tokoh dalam bidang hadis pula telah dihasilkan oleh beberapa orang penulis yang merangkumi peringkat kedoktoran, sarjana dan ijazah sarjana. Kajian di peringkat kedoktoran telah dihasilkan oleh Faisal bin Ahmad Shah, pelajar di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya sesi 2007 di bawah tajuk “**Metodologi Penulisan Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Bahr al-Madhi**”. Kajian tersebut adalah kupasan terperinci terhadap penulisan kitab *Bahr al-Madhi*. Beliau memfokuskan kajiannya kepada beberapa aspek iaitu aspek sejarah perkembangan penulisan kitab-kitab syarah hadis, biografi tokoh dan metodologi penulisan tokoh berkaitan dengan metode syarah hadis, metode dalam ilmu hadis *riwayah*, hadis *dirayah*, *fiqh al-hadith* dan pendekatan. Penulis tersebut kini merupakan pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam , Universiti Malaya.

Selain itu terdapat satu lagi penulisan berkaitan karya yang sama tetapi mengkhususkan kajiannya terhadap salah satu tajuk kecil kitab *Bahr al-Madhi* iaitu bab niat. Penulisan tersebut telah dihasilkan oleh Mohamad bin Abdul Rahman pelajar

Jabatan Sejarah dan Tamadun, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 2003 yang bertajuk “**Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi: Satu kajian Terhadap Kitabnya *Bahr al-Madhi*, Tumpuan Kepada Bab Niat**”. Kajian tersebut mengupas riwayat hidup al-Marbawi dan seterusnya kepada perbincangan terhadap persoalan niat.

Kajian terhadap karya lain tokoh tersebut turut ditemui di peringkat sarjana yang dihasilkan oleh Anwar Ridwan Zakaria, pelajar sarjana Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya sesi 2007 yang mengkaji karya hadis tokoh bertajuk “**Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim Karangan Idris al-Marbawi: Kajian Metodologi Penghuraian Hadith**”. Kajian tersebut dibincangkan dalam tiga bab utama iaitu bab dua, tiga dan empat. Kupasan tajuk bermula dengan sejarah perkembangan huraian hadis serta aspek-aspek penting yang berkaitan, biografi tokoh dan kemuncak perbincangan adalah khusus kepada aspek metodologi tokoh terhadap pemilihan hadis, persembahan huraian hadis, terjemahan hadis dan metodologi huraian hadis.

Seterusnya, kajian berkaitan karya tafsir tokoh iaitu kitab Tafsir Quran Marbawi ditemui melalui latihan ilmiah yang dilakukan oleh Nor Rafidah Binti Abdul Malek, pelajar sesi 2002 di Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk “**Pentafsiran al-Quran di Negeri Perak: Tokoh-Tokoh Tafsir dan Kitab-Kitab Yang Dihasilkan**”. Kajian ini pada dasarnya berkaitan perkembangan pentafsiran al-Quran di negeri Perak dengan mengetengahkan dua tokoh tafsir dari negeri Perak berserta karya tafsir masing-masing. Hasil sorotan mendapati salah seorang tokoh berkenaan adalah Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi melalui kajian terhadap dua buah karya beliau iaitu kitab *Tafsir Quran Marbawi* dan *Tafsir Surah Yasin* yang dibincangkan dalam bab kedua. Kupasan perbincangan terhadap kitab

tafsir tersebut berkaitan dengan metodologi pentafsiran dan persembahan kitab secara umum sekitar 10 halaman sahaja. Namun, penulisan tersebut ini amat membantu kajian ini.

Berdasarkan sorotan penulisan tadi dapatlah disimpulkan bahawa banyak kajian terhadap ketokohan beliau dalam bidang hadis telah dihasilkan. Manakala kajian terhadap karya tafsir tokoh jika ada pun tidak secara komprehensif dan terlalu umum. Tidak hairanlah tokoh berkenaan lebih masyhur dikenali kepakarannya dalam bidang hadis sedangkan kepakaran tokoh dalam bidang tafsir masih belum ditonjolkan.

Kesimpulannya, tiada kajian khusus dilakukan terhadap kitab *Tafsir Quran Marbawi*. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh serba sedikit tentang metodologi penulisan kitab tafsir tersebut namun ia tidaklah menyeluruh. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kajian-kajian tersebut amat membantu khususnya dalam mengumpul maklumat berkaitan biografi Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi.

1.9 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah metode kajian yang bersesuaian bagi mendapatkan dan menganalisis data yang diperoleh. Berikut adalah beberapa metode yang digunakan dalam penyelidikan ini:

1.9.1 Metode Pengumpulan Data

Metode ini terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu metode penyelidikan perpustakaan, metode historiografi, metode dokumentasi dan metode temubual:

1.9.1.1 Metode Penyelidikan Perpustakaan

Bagi melengkapkan kajian ini, penulis menggunakan kajian perpustakaan sahaja dengan mendapatkan bahan-bahan asas seperti kitab tafsir yang dikaji, buku-buku yang berkaitan dengan teori metodologi pentafsiran serta majalah yang berkaitan dengan kajian. Beberapa buah perpustakaan telah dikunjungi bagi memperoleh bahan-bahan kajian tersebut, antaranya Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Perpustakaan Akademi Pengajian Islam,Universiti Malaya Cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Pusat Islam.

1.9.1.2 Metode Historiografi

Penggunaan metode ini dalam mengumpul dan mentafsirkan gejala, peristiwa atau gagasan yang timbul pada masa dahulu bagi membuat generalisasi untuk memahami kenyataan sejarah. Penulis menggunakan metode ini ketika mendapatkan data-data berkaitan sejarah pentafsiran al-Quran dan perkembangannya sebagai landasan teori kajian ini dalam bab kedua dan biografi Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi dalam bab ketiga.

1.9.1.3 Metode Dokumentasi

Metode ini digunakan semasa mengkaji bahan-bahan bertulis berkaitan dengan tajuk kajian dan mengumpul data yang diperlukan sahaja. Penulis menggunakan metode ini secara langsung dengan menganalisis beberapa bahan yang telah dikenal pasti

seperti kitab-kitab al-Quran, kitab-kitab tafsir, kitab-kitab berkaitan ilmu tafsir, kitab biografi ulama' tafsir dan kitab *Tafsir Quran Marbawi*.

1.9.1.4 Metode Temubual

Metode ini merupakan kaedah penting dalam kajian ini. Penulis akan menemu bual beberapa responden yang berkaitan dengan tokoh seperti ahli keluarga dan individu-individu yang ada hubungan secara tidak langsung dengan tokoh.

1.9.2 Metode Analisis Data

Dalam usaha menganalisis dan merumuskan data-data yang diperoleh, penulis akan menggunakan tiga metode utama iaitu metode induktif, metode deduktif dan metode komparatif.

1.9.2.1 Metode Induktif

Metode ini merupakan satu cara untuk menganalisis data-data untuk mencari kesimpulan daripada kenyataan yang bersifat khusus kepada umum. Penulis menggunakan metode ini semasa membuat kesimpulan pada setiap bab kajian.

1.9.2.2 Metode Deduktif

Metode ini pula digunakan untuk membuat kesimpulan daripada kenyataan umum kepada kenyataan khusus. Penulis menggunakan metode ini dalam setiap bab seperti membuat huraian lanjut pada setiap pecahan tajuk kecil.

1.9.2.3 Metode Komparatif

Metode ini digunakan semasa penulis membuat perbandingan metode-metode pentafsiran ayat-ayat al-Quran oleh tokoh tersebut dengan kitab-kitab tafsir yang menjadi sumber rujukan beliau. Selain itu, metode-metode yang diaplikasikan beliau dalam kitab tafsirnya akan dibuat perbandingan dengan metodologi pentafsiran al-Quran yang diterima pakai oleh *mufassirin* terdahulu dari aspek autoriti sumber pentafsiran yang diperakui.

1.10 SISTEMATIKA PENULISAN

Disertasi ini dibahagikan kepada lima bab dan beberapa tajuk kecil iaitu:

Bab Satu:

Bab ini merupakan pendahuluan kepada kajian yang mengandungi latar belakang masalah kajian, pengertian tajuk, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, sepintas lalu sepintas berkenaan sorotan kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab Dua:

Dalam bab ini penulis memperkenalkan tokoh yang dikaji iaitu Sheikh Muhammad Idris al-Marbawi. Aspek-aspek yang diketengahkan dalam bab ini ialah latar belakang tokoh, pendidikan tokoh, perkahwinan, kerjaya dan hasil-hasil karya tokoh dalam pelbagai lapangan ilmu secara ringkas dan padat.

Bab Tiga:

Bab tiga pula membicarakan serba sedikit pengenalan karya tokoh yang menjadi bahan kajian yang terdiri daripada dua buah karya tafsir beliau iaitu *Tafsir Quran Marbawi Juzuk Alif Lām Mīm* dan *Tafsir Quran Marbawi Surah Yasin*. Dalam bab ini juga penulis akan memaparkan sumber-sumber rujukan yang diguna pakai al-Marbawi yang terdiri daripada rujukan kitab-kitab tafsir dan kitab-kitab hadis.

Bab Empat:

Bab ini merupakan kemuncak perbincangan dalam disertasi ini. Penulis membentangkan metodologi-metodologi pentafsiran yang diaplikasi tokoh sepanjang penulisan beliau terhadap kedua-dua buah karya tersebut. Analisis perbezaan kedua-dua buah karya tersebut dibincangkan dan juga keistimewaan dan kelemahan metodologi al-Marbawi diketengahkan.

Bab Lima:

Bab ini merupakan bab terakhir kajian yang mengandungi kesimpulan dan cadangan berdasarkan perbincangan-perbincangan dalam bab dua, bab tiga dan bab empat kajian.